



Headline	REDtone sasar 20,000 hotspot WiFi 3 tahun lagi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 May 2012	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	e6	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	261 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,560
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,240



REDtone sasar 20,000 hotspot WiFi 3 tahun lagi

Syarikat sedia kerjasama bangun infrastruktur utama

Che Wan Badrul Alias

REDTONE International Bhd menasarkankan mewujudkan sehingga 20,000 hotspot WiFi di seluruh negara dalam tempoh tiga tahun daripada hanya 4,500 yang bakal dimilikinya menjelang akhir tahun ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Wei Chuan Beng, berkata sasaran itu sejajar pertumbuhan yang bakal dicapai negara sehingga 2014 susulan peningkatan permintaan bagi teknologi komunikasi serta data.

Katanya, berikutan WiFi kini adalah perniagaan baru yang berpotensi, REDtone bersedia untuk bekerjasama dengan syarikat telekomunikasi lain bagi membangunkan infrastruktur utamanya itu.

"Setiap tahun kami peruntukkan perbelanjaan modal bagi perkhidmatan telekomunikasi ini antara RM10 juta hingga RM30 juta bergantung kepada projek yang bakal kami peroleh atau laksanakan.

"Malah, platform WiWi yang dibangunkan MIMOS ini, adalah kunci utama yang bakal mempercepatkan pembangunan hotspot terbabit dengan kos yang rendah," katanya selepas memeterai memorandum persefahaman (MOU) dengan MIMOS Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau memeterai MOU itu bagi pihak REDtone bersama Ketua Eksekutif Kumpulannya, Lau Bik Soon; manakala MIMOS diwakili Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah dan Ketua Operasinya, Abd Aziz Abd

Kadir.

Ia disaksikan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dan Pengerusi REDtone, Datuk Ibrahim Che Mat.

Di bawah MOU itu, REDtone memperoleh hak menggunakan dua teknologi yang dibangunkan MIMOS iaitu WiWi dan Platform Pemantauan Pintar (ISP) selama tiga tahun.

Ia turut meliputi langkah membangunkan kawasan perintis menggunakan teknologi WiWi dan ISP dengan kerjasama dan sokongan teknikal MIMOS untuk dijadikan modul rujukan bagi pelan pembangunan hotspot WiFi REDtone pada masa depan.

Sementara itu, Ahmad Husni, berkata kerajaan akan terus memantau dan mengkaji perkembangan krisis hutang di zon euro bagi melihat kesannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Katanya, pada asasnya perkembangan terbaru itu memberikan kesan kepada kedudukan ekonomi negara, namun setakat ini kerajaan masih menetapkan fokus kepada sasaran pertumbuhan ekonomi sebanyak lima peratus.

"Walaupun jika pertumbuhannya antara empat hingga lima peratus tahun ini, ia kadar pertumbuhan kukuh sekiranya kita mempertimbangkan krisis ekonomi global ketika ini," katanya.



Setiap tahun kami peruntukkan perbelanjaan bagi perkhidmatan telekomunikasi antara RM10 juta hingga RM30 juta. Platform WiWi yang dibangunkan MIMOS ini, adalah kunci utama yang bakal mempercepatkan pembangunan hotspot terbabit dengan kos yang rendah

Wei Chuan Beng
Pengarah Urusan REDTone International